

Kajian Penilaian Kurikulum Pendidikan Fizik Dan Kimia Universiti Teknologi Malaysia

Mohini Binti Mohamed & Suhaila Binti Mod Nor

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kajian ini adalah berkaitan tentang penilaian kurikulum program Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan Fizik (SPF) dan Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan Kimia (SPC). Kajian ini melibatkan seramai 122 orang responden yang terdiri daripada pelajar tahun satu hingga tahun akhir di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Kajian ini berbentuk deskriptif dan menggunakan instrument soal selidik dengan skala lima mata bagi mengukur empat kategori model KIPP iaitu Konteks, Input, Proses dan Produk. Empat aspek yang dinilai iaitu program, kandungan pelajaran, pengajaran dan pembelajaran dan kepuasan pelajar. Nilai pekali Alpha Cronbach untuk kajian ini adalah 0.96. Analisis statistik deskriptif dalam bentuk min, sisihan lazim dan peratus telah digunakan untuk menganalisis data. Kesemua data dianalisis menggunakan perisian “*Statistical Package for the Social Science*” (SPSS). Dapatan kajian menunjukkan kategori program (min 3.84, SL=0.79) berada pada tahap memuaskan. Kategori yang kedua adalah kategori kandungan pelajaran (min 3.74, SL=0.83), diikuti ketiga ialah kategori pengajaran dan pembelajaran (min 3.68, SL=0.89), keempat ialah kategori kepuasan pelajar (min 3.75, SL=0.84). Keseluruhannya tahap penilaian kurikulum program SPF dan SPC di UTM berada pada tahap memuaskan. Dapatan kajian menunjukkan terdapat juga beberapa aspek yang kurang memuaskan dan perlu di tangani. Di samping itu, dikemukakan juga cadangan kajian untuk memperbaiki perkhidmatan dan meningkatkan lagi kepuasan pelajar terhadap program yang diambil.

Katakunci : penilaian kokurikulum, fizik, kimia

Pengenalan

Pendidikan masa kini berhadapan dengan cabaran membentuk seseorang individu sama ada untuk memenuhi keperluan sendiri, negara atau masyarakat bagi menghadapi alaf baru. Untuk menghasilkan sumber tenaga manusia yang berketrampilan, berpengetahuan, dan berkemahiran, pendidikan yang terbaik harus disediakan.

Bertepatan dengan tuntutan ini, maka kurikulum yang sesuai harus dibina atau diubah supaya individu yang dihasilkan dapat memenuhi keperluan semasa dan sejajar dengan hasrat negara untuk cuba menyediakan sistem pendidikan yang berkualiti dan cemerlang dalam usaha untuk membangunkan generasi alaf baru menuju Wawasan 2020. Kefahaman tentang kurikulum akan memberikan kelebihan kepada golongan pendidik untuk melaksanakan program pendidikan dengan lebih berkesan.

Jelas kini fungsi universiti adalah amat penting dalam pembangunan keilmuan. Namun begitu dalam melaksanakan dan menilai sesuatu kurikulum, banyak agen perubahan yang diperlukan dan dipantau untuk memastikan kurikulum yang dibina dapat menghasilkan produk yang terbaik. Ini dapat dilihat dari segi program, kandungan pelajaran, pengajaran dan pembelajaran dan tahap kepuasan pelajar terhadap program yang diambil.

Jesteru itu, perkembangan kurikulum di universiti dapat dinilai daripada perkembangan dan pencapaian pelajar dalam pembelajaran. Peranan pelbagai pihak amatlah penting untuk memastikan kurikulum dapat dilaksanakan seperti mana yang dirancang. Dengan ini, tidak

hairanlah akan lahir graduan yang produktif dan kecemerlangan universiti sebagai pusat pendidikan dapat direalisasikan.

Penyataan Masalah

Kecemerlangan akademik merupakan asas untuk mengukur kejayaan seseorang pelajar dalam semua peringkat, dari alam persekolahan hinggalah ke institusi pengajian tinggi. Namun begitu, tanpa disedari terdapat pelajar yang cemerlang di sekolah tetapi tidak cemerlang di universiti. Adakah kurikulum yang terdapat di universiti tidak memuaskan atau tidak memenuhi kepuasan yang dikehendaki? Kajian ini dilakukan untuk melihat tahap kepuasan pelajar dan menilai kurikulum yang telah dijalankan sama ada memberi manfaat atau sebaliknya.

Penilaian kurikulum yang dilaksanakan akan dapat memperbaiki kualiti sistem pendidikan di fakulti pendidikan. Selain itu, melalui penilaian yang dilakukan, pelajar dapat meluahkan kepuasan dan ketidakpuasan terhadap program yang diambil, fakulti dapat memperbaiki kelemahan yang ada dan yang lebih penting dapat melahirkan graduan UTM yang berkualiti sesuai dengan kehendak kementerian juga sekolah.

Selain itu, kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk meninjau persepsi bakal guru dari UTM. Pelajar-pelajar diminta memberi maklum balas mengenai program yang diambil di UTM, kekuatan dan kelemahan kandungan pelajaran, pengajaran dan pembelajaran yang dipelajari, serta kepuasan pelajar terhadap program yang diambil di UTM. Ia melihat sama ada kandungan kurikulum yang dilaksanakan masa kini masih relevan atau pun tidak untuk keperluan pembelajaran masa kini di sekolah atau di institusi pendidikan yang lain. Ia penting sebagai semakan untuk penambahbaikan bagi pengubahsuaian kandungan kurikulum di masa hadapan.

Oleh itu, kajian ini diharap dapat memberi sumbangan memandangkan tidak ramai yang membuat penyelidikan tentang perkara ini. Fokus utama adalah daripada program SPF dan SPC. Melalui kajian ini dapatlah diketahui samaada kurikulum di UTM dapat memenuhi atau tidak keperluan pembelajaran terutamanya di sekolah. Kajian ini juga adalah amat perlu dan hasil kajian yang diperolehi amat berguna kepada semua pihak terutamanya kepada universiti dan pensyarah.

Objektif Kajian

Kajian ini mengandungi beberapa objektif utama seperti di bawah,

- i. Mengenal pasti sejauh manakah program yang diambil di UTM dapat memberi pengetahuan dan kemahiran asas yang berkaitan dengan profesion perguruan.
- ii. Mengenal pasti kekuatan dan kelemahan kandungan pelajaran yang terdapat dalam kursus yang dipelajari di UTM.
- iii. Mengenal pasti sejauh manakah pengajaran dan pembelajaran yang dipelajari di UTM memenuhi keperluan pelajar.
- iv. Mengenal pasti tahap kepuasan pelajar terhadap program yang diambil di UTM.

Kepentingan Kajian

Dapatan kajian ini memberi kepentingan kepada pihak-pihak berkenaan :

Pelajar : Pelajar dapat meluahkan ketidakpuasan terhadap pensyarah, pengajaran pensyarah, perkara yang berkaitan dengan pembelajaran dan prasarana yang disediakan. Melalui kajian ini pihak fakulti pendidikan dapat mengenal pasti kehendak pelajar dan meningkatkan mutu sistem pendidikan di UTM. Dengan ini pelajar akan dapat menikmati suasana pembelajaran dengan

lebih selesa dan pencapaian pelajar dapat ditingkatkan disamping dapat melahirkan guru yang berkualiti.

Pensyarah : Pensyarah akan berusaha meningkatkan mutu pengajaran dan pengetahuan dalam subjek yang diajar. Kajian ini dapat meningkatkan kesedaran kepada pensyarah tentang masalah yang dihadapi oleh pelajar dan berusaha untuk memberikan yang terbaik kepada pelajar. Di samping itu pensyarah akan lebih prihatin dengan teknik pengajaran yang digunakan serta boleh melakukan persiapan untuk proses pengajaran dan pembelajaran agar matlamat yang diinginkan tercapai.

Fakulti Pendidikan : Melalui dapatan kajian yang ditunjukkan dapatlah digunakan oleh pihak fakulti bagi mengenal pasti kekuatan dan kelemahan sesuatu bidang pelajaran serta kepakaran para pensyarah untuk pembelajaran tertentu. Berguna kepada fakulti bagi merancang kursus dan latihan tambahan yang perlu bagi para pensyarah yang mengajar bidang tersebut mengikut bidang yang didapati kurang atau lemah. Selain itu pihak fakulti akan dapat menyediakan prasarana yang kondusif supaya para pelajar dan pensyarah lebih selesa semasa pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Universiti Teknologi Malaysia : Pihak universiti akan dapat mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar dan mencari inisiatif untuk menyelesaikan masalah tersebut dan cuba mempertingkatkan kualiti bakal guru yang dihasilkan. Selain itu nama baik universiti dapat dijaga jika segala kekurangan dapat dikenal pasti dari awal.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini berbentuk deskriptif menggunakan kaedah tinjauan. Menurut Mohd Majid (1990) kajian berbentuk tinjauan adalah sesuai digunakan di dalam penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku. Kajian ini menggunakan soal selidik untuk mendapat maklumat dan data yang diperlukan. Penggunaan soal selidik merupakan cara yang menjimatkan masa untuk mengumpul data dalam jangka masa singkat. Data yang dikumpul dan hasil kajian ini dapat memberi maklumat untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan.

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji penilaian kurikulum program SPF dan SPC dari segi program, kekuatan dan kelemahan kandungan pelajaran, keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dan kepuasan pelajar terhadap program yang diambil. Untuk mendapatkan data, soal selidik telah digunakan. Soalan-soalan dalam soal selidik adalah merangkumi perkara-perkara yang hendak dikaji.

Populasi dan Sampel Kajian

Kajian ini adalah merupakan kajian tentang penilaian kurikulum terhadap pelajar dari Fakulti Pendidikan UTM. Maka populasi kajian ini adalah terdiri daripada pelajar semester 2 tahun 2, 3 dan 4 jurusan Sarjana Muda Sains serta Pendidikan - Fizik (SPF) dan semester 2 tahun 1, 2, 3 dan 4 Sarjana Muda Sains serta Pendidikan - Kimia (SPC) yang kini menuntut di Fakulti Pendidikan di UTM.

Bilangan populasi adalah terdiri daripada tahun 1 hingga tahun 4 bagi program SPF dan SPC. Bilangan responden yang diambil adalah berdasarkan kepada formula Krejcie (Robert V. Krejcie, 1970)

$$S = \frac{X^2 NP (1-P)}{d^2 (N-1) + X^2 P(1-P)}$$

Dengan keterangan:

S = besarnya responden yang diperlukan

N = ukuran populasi yang diketahui

P = proporsi ragam populasi yang dianggap $p = 0.5$

d = taraf kesalahan yang dapat ditolerer, iaitu 0.05

χ^2 = nilai chi square pada taraf kepercayaan iaitu 3.84

Merujuk kepada enrolmen pelajar sesi 2007/2008-2 bilangan populasi bagi tahun 2 hingga tahun 4 bagi program SPF dan tahun 1 hingga tahun 4 SPC ialah seramai 177 orang. Maka dengan menggunakan formula Krejcie, responden yang diperolehi ialah sebanyak 122 orang.

Oleh itu pelajar tahun 1, 2, 3 dan 4 dijadikan responden dimana bilangan pelajar bagi 2SPF ialah 20 orang, 3SPF ialah 17 dan 4SPF ialah 25 orang. Manakala 15 orang dari pelajar 1SPC, 15 orang dari pelajar 2SPC, 15 orang dari pelajar 3SPC dan 15 orang daripada 4SPC. Kesemua pelajar tersebut diambil untuk dijadikan responden kajian iaitu sebanyak 122 orang. Pelajar tahun 1SPF tidak dipilih sebagai populasi kerana tiada pelajar tahun 1 SPF pada sesi 2007/2008 semester 2. Tahun 1SPC tetap dipilih walaupun belum matang dalam membuat keputusan kerana kajian ini ingin melihat persepsi pelajar pada peringkat awal. Pelajar tahun 2 dan 3 dipilih sebagai responden kajian kerana pelajar sudah dapat menyesuaikan diri dengan keadaan persekitaran universiti dan lebih matang dalam membuat keputusan. Manakala pelajar tahun 4 dipilih kerana mereka adalah pelajar lama. Mereka lebih faham keinginan dan kepuasan yang mereka inginkan.

Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, soal selidik dipilih sebagai instrumen kajian di mana ia diedarkan kepada responden untuk mendapatkan maklum balas dan maklumat yang berkaitan dengan persoalan kajian ini. Soal selidik ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B.

Bahagian A adalah soal selidik yang berkaitan dengan maklumat diri pelajar. Antara perkara-perkara yang dimuatkan untuk mendapatkan data peribadi pelajar adalah jantina, kursus dan tahun pengajian.

Bahagian B adalah soalan-soalan berkaitan dari segi program, kekuatan dan kelemahan kandungan pelajaran, keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dan kepuasan pelajar terhadap program yang diambil. Untuk memudahkan responden mengenal pasti atau menilai kurikulum yang diambil, penyelidik telah menggunakan Skala Likert seperti berikut :

Jadual 1 : Skala Likert

Skala Likert	Pengkelasan
1	Sangat tidak setuju (STS)
2	Tidak setuju (TS)
3	Tidak Pasti (TP)
4	Setuju (S)
5	Sangat setuju (SS)

Pembahagian item adalah mengikut model penilaian keatas empat aspek iaitu Konteks, Input, Proses dan Produk (KIPP)

Kajian Rintis

Sebelum kajian sebenar dilakukan, kajian rintis dijalankan dengan menggunakan responden yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan populasi yang hendak diuji. Ini adalah untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan soalansoalan soal selidik yang telah dibuat. Jesteru itu, kajian rintis dalam kajian ini telah dijalankan ke atas 20 orang pelajar tahun 4 yang mengikuti kursus Sarjana Muda Sains serta Pendidikan – Elektrik (SPE) di UTM, Skudai.

Dapatan data yang diperolehi dianalisis menggunakan kaedah *Statistical Packages For Social Science* (SPSS) dan nilai alpha yang diperolehi adalah 0.96. Nilai ini merupakan nilai yang sesuai bagi sesuatu alat ukur. Selain itu kajian ini telah dapat menunjukkan sejauh mana kesesuaian keseluruhan penggunaan instrument kepada sampel kajian termasuk penggunaan istilah, struktur dan penyusunan ayat dalam soal selidik yang diedarkan kepada responden.

Analisis Data

Jadual 2 Min keseluruhan bagi setiap persoalan

No	Persoalan	Min
1	Apakah tahap program yang diambil di UTM dapat memberi pengetahuan dan kemahiran asas yang berkaitan dengan profesion perguruan?	3.84
2	Apakah kekuatan dan kelemahan kandungan pelajaran yang terdapat dalam mata pelajaran yang dipelajari di UTM?	3.74
3	Adakah pengajaran dan pembelajaran yang dipelajari di UTM memenuhi keperluan pelajar?	3.68
4	Apakah tahap kepuasan pelajar terhadap program yang diambil di UTM?	3.75
Purata		3.75

Pengkaji telah mengumpulkan kesemua min bagi setiap pembolehubah kajian. Ini dapat dilihat bahawa skor min tertinggi ialah berkaitan dengan program dan yang rendah berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran.

Jadual 2 menunjukkan bahawa secara keseluruhan perolehan min menunjukkan persoalan pertama, iaitu ‘*apakah tahap program yang diambil di UTM dapat memberi pengetahuan dan kemahiran asas yang berkaitan dengan profesion perguruan?*’ memperoleh min tertinggi iaitu 3.84. Pernyataan bagi item 6, ‘Saya memperoleh pelbagai kemahiran generik (komunikasi, menyelesaikan masalah, beraktiviti) sepanjang mengikuti program ini’ merupakan item yang diberikan skor yang tertinggi iaitu 4.06. Bagi item 9, ‘program yang saya ikuti telah banyak memberi pengetahuan yang mendalam tentang dunia pendidikan.’ diberi skor min yang terendah iaitu 3.34.

Persoalan kedua iaitu ‘*apakah kekuatan dan kelemahan kandungan pelajaran yang terdapat dalam mata pelajaran yang dipelajari di UTM?*’ memperoleh skor min iaitu 3.74. Pernyataan bagi item 15 ‘kursus amali memberikan pemahaman yang lebih mendalam terhadap

teori yang dipelajari' merupakan item yang diberikan skor yang tertinggi iaitu 4.07. Bagi item 17, 'Tugasan yang diberikan oleh pensyarah tidak membebankan' diberi skor min yang terendah iaitu 2.96.

Persoalan ketiga iaitu '*adakah pengajaran dan pembelajaran yang dipelajari di UTM memenuhi keperluan pelajar?*' memperoleh skor min iaitu 3.68. Pernyataan bagi item 19, 'pelajar diberi kebebasan memberikan pendapat dalam proses pengajaran dan pembelajaran' merupakan item yang diberikan skor yang tertinggi iaitu 4.07. Bagi item 25, 'bilik kuliah adalah selesa dan memudahkan segala aktiviti pengajaran' diberi skor min yang terendah iaitu 3.30.

Persoalan empat iaitu '*apakah tahap kepuasan pelajar terhadap program yang diambil di UTM?*' memperoleh skor min iaitu 3.75. Pernyataan bagi item 28 'keyakinan saya semakin meningkat untuk menjadi seorang guru sepanjang mengikuti program ini' dan item 36 'kemahiran mengajar yang diperolehi amat bermakna dan mampu diperaktikkan di semua institusi pendidikan' merupakan item yang diberikan skor yang tertinggi iaitu 4.07. Bagi item 3.24, 'bilangan jam kredit yang dibawa pada setiap semester adalah sesuai dan tidak membebankan.' diberi skor min yang terendah iaitu 3.24.

Analisis dan dapatan kajian keseluruhan dari segi program, kandungan pelajaran, pengajaran dan pembelajaran juga kepuasan menunjukkan pada tahap memuaskan.

Perbincangan

Dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhannya responden bersetuju menyatakan bahawa kandungan pelajaran bagi program SPF dan SPC di UTM adalah memuaskan. Terdapat 7 item soalan yang menunjukkan kekuatan kandungan pelajaran dan hanya terdapat 2 item soalan yang menunjukkan kelemahan. Kekuatan dan kelemahan kandungan pelajaran banyak bergantung kepada beberapa aspek. Antara penekanan yang dibuat dalam kajian ini adalah kepada kursus amali, Bahasa Inggeris, subjek pendidikan, ICT, kursus teras program, ko-kurikulum, tugasan dan pengetahuan pensyarah.

Daripada kajian yang telah dibuat, dapat dinyatakan bahawa sekumpulan pelajar bersetuju menyatakan kursus amali yang dipelajari telah member pemahaman yang lebih mendalam terhadap teori yang dipelajari. Ini menunjukkan latihan amali adalah perlu untuk memantapkan pengetahuan dan membantu pelajar mengaitkan apa yang dipelajari di dalam kelas dengan hasil yang diperolehi daripada kursus amali. Teori semata-mata tidak cukup untuk memberi pemahaman yang sepenuhnya. Aktiviti menghafal daripada nota tidak akan membantu mengekalkan ingatan tentang apa yang dibaca. Bantuan dari aktiviti amali memudahkan pelajar mengingat dengan lebih mudah dan kekal kerana pelajar yang melakukan sendiri untuk membuktikan kebenaran teori yang dipelajari.

Mata pelajaran bagi subjek pendidikan, komputer dan teknologi maklumat, Bahasa Inggeris, kursus teras program dan aktiviti ko-kurikulum banyak membekalkan ilmu kepada pelajar untuk menjadi seorang pendidik. Selain itu ia dapat membantu pelajar mengembangkan segala kemahiran dan pengetahuan. Ini merupakan kekuatan kepada kandungan pelajaran yang diperolehi dari program di UTM. Rata-rata pelajar berpuas hati dengan segala kandungan pelajaran yang disediakan. Ini bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh Najmah dan Mohamad Yusoff (2007) di mana melalui kajiannya pelajar di UTM berpuas hati dengan kesesuaian kandungan pengajian, mata pelajaran wajib, ko-kurikulum dan mata pelajaran wajib universiti.

Aspek yang paling penting dalam menilai kekuatan dan kelemahan kandungan pelajaran adalah dari segi pengetahuan pensyarah. Pensyarah memainkan peranan penting untuk

menghidupkan sesuatu pengajaran dan pembelajaran. Daripada kajian yang diperolehi, pelajar berpuas hati dengan pengetahuan pensyarah dalam sesuatu kursus yang diajar. Sesuatu kursus itu akan menjadi lemah jika pensyarah tidak mempunyai ilmu yang mendalam tentang subjek yang diajar. Pelajar tidak akan dapat menerima dengan baik ilmu yang disampaikan jika pensyarah ragu-ragu dalam menyampaikan sesuatu pengajaran. Pensyarah perlu bersedia sebelum masuk ke kelas dan memastikan pelajar memahami sepenuhnya isi kandungan pelajaran yang diajar. Kajian ini dapat dibandingkan dengan kajian luar negara yang dilakukan oleh Esharenana E. Adomi (2007) yang menyatakan bahawa pelajar tidak berpuas hati dengan pengajaran pensyarah. Pengetahuan pensyarah hanya pada tahap sederhana, pensyarah tidak memberi maklumat yang bersesuaian dan tidak bersedia sebelum memasuki kelas. Ini menunjukkan pensyarah di UTM lebih baik daripada pensyarah luar negara dan ini bertepatan dengan kajian Norehan (2001) menunjukkan bahawa 73% responden bersetuju dengan pernyataan pensyarah membuat perancangan yang teratur manakala 26.8% tidak bersetuju. Namun begitu menurut kajian oleh A. Ahmad *et al.* (2006) di Universiti Teknologi Malaysia, sebilangan besar pelajar menyatakan bahawa terdapat pensyarah yang tidak menyampaikan pengajaran dengan berkesan. Jadi ini dapat disimpulkan bahawa masih ada sebilangan pensyarah yang masih lemah dan tidak bersedia sepenuhnya dalam menyampaikan pengajaran.

Melalui hasil dapatan, kajian ini telah menunjukkan bahawa tahap kepuasan pelajar terhadap program yang diambil di UTM adalah memuaskan. Responden berpuas hati bahawa program pendidikan yang diambil telah meningkatkan keyakinan untuk menjadi seorang guru dan juga memberi semangat untuk meneruskan pengajian sehingga tamat dengan keputusan yang cemerlang. Responden juga mengakui bahawa program yang diikuti membekalkan ilmu pembelajaran sepanjang hayat dan kemahiran mengajar yang diperolehi amat bermakna dan mampu diperaktikkan di semua institusi pendidikan. Selain itu responden berpuas hati dengan pengajaran dan pembelajaran yang diberi oleh pensyarah dan kemudahan pembelajaran yang disediakan di UTM. Dapatan ini bertepatan dengan hasil dapatan kajian Najmah dan Mohamad Yusoff (2007) yang menunjukkan bahawa pelajar berpuas hati dengan program kerana telah membekalkan kemahiran dan pengetahuan, menyediakan pelajar untuk menghadapi dunia pekerjaan dan tenaga pengajar yang bagus. Ini menunjukkan bahawa program di UTM berada pada tahap yang memuaskan dan harus dikekalkan.

Walau bagaimanapun kajian ini juga menunjukkan terdapat beberapa perkara yang kurang memuaskan berkaitan dengan program di UTM. Responden mengakui berlaku masalah semasa mengikuti kursus yang ditawarkan. Ini mungkin kerana terdapat perkara-perkara yang tidak dapat dielakkan atau kecuaiannya beberapa pihak menyebabkan berbagai masalah timbul. Selain itu responden menyatakan bahawa bilangan jam kredit yang dibawa pada setiap semester adalah membebankan. Terdapat sesetengah semester di mana pelajar terpaksa membawa 18 jam kredit. Ianya terlalu berat dan padat sehingga membebankan pelajar. Ini ditambah dengan tugas yang banyak diberi oleh pensyarah menyebabkan pelajar menjadi tertekan. Responden juga kurang berpuas hati dengan jumlah jam untuk kuliah, tutorial dan makmal dalam seminggu. Ini menunjukkan pelajar mengharapkan supaya jumlah jam yang diambil dalam seminggu dapat dikurangkan supaya aktiviti lain seperti membuat tugas, mengulangkaji pelajaran dan aktiviti-aktiviti universiti dapat dilakukan juga.

Rujukan

- Azmahani Abdul Aziz, Jamaludin Mohamad Yatim dan Baharin Mesir (2006). *Kajian Peningkatan Prestasi Akademik Pelajar Melalui Program Kecemerlangan. Fakulti Kejuruteraan Awam, Universiti Teknologi Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia.
- David G. Armstrong (2003). *Curriculum today*. Merrill Prentice Hall. Davidson dan H. Dan Lang (1960). *Childran's Perseption of their Teacher*. Journal Of Experimental Education : 1960-1961
- Dewan Bahasa dan Pustaka (1997). *Kamus Dewan, Edisi ketiga*. Kuala Lumpur.
- Esharenana E. Adomi (2007). *Student Expectations of Faculty in a Nigerian LIS School*. Department of Library and Information Science. Delta State University Abraka, Nigeria
- Faizah Ibrahim, Norfizin Yusoff dan Mohd Rodhi Othman (2004). *Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Elemen-Elemen Multimedia Yang Terdapat Dalam Perisian Persembahan Ms Powerpoint: Pengajaran Konsep Abstrak Bagi Subtopik 'Satellite Motion In A Circular Orbit' Dan 'Planetary Motion' Di Kolej Matrikulasi Pulau Pinang*. Kolej Matrikulasi Pulau Pinang.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. Prosiding penyelidikan BMKPM. Seminar 2004.
- Hazil Abd. Hamid (1997). *Pembentukan kurikulum*. Kursus perancangan dan rekabentuk kurikulum UTM. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia Skudai, Johor.
- Kurikulum Universiti Dan Literasi Tempat Kerja, Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara (IPPTN).
- Laporan Keputusan Peperiksaan Semester 1 2005/2006 (2006). *Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Senat Pengajaran dan Pembelajaran. Pusat Pengajaran Dan Pembelajaran (CTL)*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Norehan Ali (2001). *Penilaian Pelajar Tahun 4 Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) Terhadap Pengajaran Pensyarah Subjek Komponen Kemahiran Manipulatif (Satu Kajian Kes)*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Rodziah Ismail (2004). *Tahap Pencapaian Latihan Kemahiran Proses Sains Pelajar Pelajar Sekolah*. Di Negeri Perlis. Kolej Matrikulasi Perlis. Prosiding penyelidikan BMKPM. Seminar 2004.
- Seminar Kearah Peningkatan Pengajaran Di Universiti (1994). Unit Pengajaran Pembelajaran. Universiti Teknologi Malaysia.
- Toh Wah Seng (2005). *Metodologi Kajian Kepuasan Pelanggan Maktab-Maktab Perguruan Malaysia: Satu Cadangan*. Jabatan Penyelidikan.
- Yahya Buntat, Muhammad Rashid Rajuddin, Kandar Selamat, Muhammad Sukri Saud (2006). *Kesesuaian Kurikulum Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Pertanian Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia Terhadap Keperluan Pembelajaran Di Sekolah*. Universiti Teknologi Malaysia.